

Analisis Keperluan Pembangunan Model Pengajaran Jawi (PG Jawi) dalam Pendidikan Islam Tahap 1 Sekolah Rendah

Needs Analysis for the Development of a Jawi Instructional Model (PG Jawi) in Islamic Education for Level 1 Primary Schools

Siti Fairus Mohd Noh¹, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi², Kama Shaffeei³

^{1,2,3} Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris

fazlifairus@gmail.com

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap keperluan pembangunan Model Pengajaran Jawi (PG Jawi) bagi mata pelajaran Pendidikan Islam Tahap 1 di sekolah rendah. Reka bentuk kajian menggunakan pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (Design and Development Research, DDR) dengan memberi tumpuan kepada Fasa 1, iaitu Analisis Keperluan. Kaedah tinjauan berbentuk soal selidik telah ditadbir kepada 113 orang Guru Pendidikan Islam (GPI) di Daerah Kubang Pasu, Kedah yang dipilih melalui teknik persampelan rawak berkelompok. Data kuantitatif dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 22 bagi memperoleh statistik deskriptif seperti kekerapan, peratusan dan min, manakala data kualitatif daripada temu bual dianalisis secara deskriptif bagi menyokong dapatan kuantitatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap keperluan terhadap pembangunan Model PG Jawi adalah sangat tinggi dengan nilai min keseluruhan 4.681. Guru-guru turut menunjukkan kesediaan untuk mengintegrasikan elemen teknologi dalam pengajaran serta menyokong pembangunan model yang sistematik dan berfokus kepada pemulihan. Kajian ini merumuskan bahawa pembangunan Model PG Jawi merupakan satu keperluan mendesak dalam usaha memperkasa kemahiran membaca dan menulis Jawi dalam kalangan murid Tahap 1, selaras dengan tuntutan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21). Implikasi kajian ini menyediakan asas empirikal yang kukuh untuk fasa seterusnya, iaitu reka bentuk dan pembangunan model secara sistematik dan berasaskan konsensus pakar.

Kata kunci: pembangunan model, analisis keperluan, pengajaran Jawi, Pendidikan Islam

Abstract

This study aims to identify the level of need for developing a Jawi Instructional Model (PG Jawi) for Islamic Education at Level 1 in primary schools. The research employed the Design and Development Research (DDR) approach, focusing specifically on Phase 1: Needs Analysis. A survey method was utilized, in which a questionnaire was administered to 113 Islamic Education teachers in the Kubang Pasu District, Kedah, selected through cluster random sampling. Quantitative data were analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 22 to obtain descriptive statistics, including frequencies, percentages, and mean scores, while qualitative interview data were analyzed descriptively to support and enrich the quantitative findings. The findings indicate a very high level of need for the development of the PG Jawi Model, with an overall mean score of 4.681. Teachers also demonstrated readiness to integrate technological elements into their teaching practices and strongly supported the development of a systematic and structured model, particularly for Jawi remedial instruction. The study concludes that the development of the PG Jawi Model is urgently required to strengthen students' Jawi reading and writing skills in alignment with the demands of 21st-century learning. The results provide a solid empirical foundation for proceeding to the next phase of the study, namely the systematic design and development of the model based on expert consensus.

Keywords: model development, needs analysis, Jawi instruction, Islamic Education

1.0 PENGENALAN

Pelajaran Jawi merupakan sebahagian daripada komponen ilmu yang terhasil melalui pengorganisasian pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Pendidikan Islam sendiri merupakan elemen penting dalam sistem pendidikan kebangsaan serta berfungsi sebagai mata pelajaran teras dalam Kurikulum Kebangsaan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2020). Melalui pembelajaran Jawi, murid didedahkan kepada kemahiran asas seperti menyebut, membaca dan menulis huruf, suku kata, perkataan serta teks dalam tulisan Jawi (Ramlan Abu Bakar, 2019; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020).

Kemahiran-kemahiran tersebut bertepatan dengan objektif utama Pendidikan Islam yang menitikberatkan keupayaan murid untuk membaca, membina dan menulis ayat atau teks dalam tulisan Jawi dan khat, di samping menyemai rasa cinta terhadap tulisan ini sebagai warisan budaya bangsa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Sehubungan itu, pencapaian objektif berkenaan memerlukan penyampaian ilmu, kemahiran dan nilai yang dilaksanakan secara berkesan oleh guru melalui penggunaan strategi, pendekatan, kaedah serta teknik pengajaran Jawi yang bersesuaian. Hal ini menunjukkan bahawa penguasaan asas membaca dan menulis Jawi merupakan prasyarat penting, kerana kelemahan dalam aspek tersebut boleh menjejaskan kefahaman murid terhadap keseluruhan kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam.

Selain itu, Pendidikan Islam turut menekankan konsep ilmu yang berasaskan tiga domain utama, iaitu epistemologi, ontologi dan aksiologi. Ketiga-tiga domain ini menuntut pelaksanaan pengajaran yang sistematik dan berkesan melalui pendekatan yang selari dengan keperluan pendidikan abad ke-21 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Oleh yang demikian, profesionalisme guru dalam merealisasikan pengajaran yang sejajar dengan hala tuju sistem pendidikan negara amat bergantung pada keupayaan mereka mengaplikasikan kemahiran pedagogi secara fleksibel dan relevan (Berita Harian, 2019). Hal ini kerana kualiti pengajaran merupakan faktor penentu dalam merealisasikan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020).

Pengajaran dapat ditakrifkan sebagai suatu proses yang sistematik, meliputi fasa perancangan awal, pelaksanaan set induksi, pembangunan konsep serta peneguhan dan pengukuhan pada peringkat akhir (Kamarul Azmi & Uzair Musa, 2019; Ab Halim & Mohamad Khairul Azman, 2019; Anuar & Fitri Yahya, 2020). Proses ini melibatkan penggunaan pelbagai strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang menjadi asas kepada penyampaian ilmu secara berkesan kepada pelajar. Pelaksanaan aktiviti pengajaran yang dirancang secara menyeluruh dan teratur berupaya meningkatkan keberkesanan proses pengajaran (Hamidah Halim, 2018; Iskandar Isa, 2020; Alias & Imani, 2019). Selain itu, pengalaman yang diperoleh pelajar melalui interaksi harian, pembacaan dan pendengaran juga boleh dikategorikan sebagai bentuk pengajaran (Julia Anaqi & Roslina, 2020).

Di samping itu, pengajaran merujuk kepada proses yang berorientasikan matlamat, dirancang secara sistematik dan dilaksanakan menggunakan kaedah yang sesuai bagi menghasilkan perubahan yang berkekalan, sama ada secara eksplisit atau implisit (Suhairi et al., 2020). Proses ini menuntut penglibatan aktif kedua-dua pihak, iaitu guru dan murid (Rayyan Hakim, 2021). Secara konseptual, pengajaran juga dapat difahami sebagai proses pemindahan ilmu, penyampaian maklumat dan pemberian bimbingan kepada individu yang belum menguasai sesuatu pengetahuan melalui latihan, arahan atau pendekatan tertentu yang melibatkan interaksi antara guru, murid dan kaedah pengajaran (Azim Haziq & Amzar, 2020; Azmil Nawawi, 2018).

Bagi memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, guru perlu memiliki pengetahuan yang mencukupi dalam pelbagai aspek termasuk psikologi pendidikan, pedagogi serta penguasaan teknik dan strategi pengajaran yang relevan (Norlaila Amin, 2020). Keupayaan dan kreativiti guru dalam menyesuaikan strategi pengajaran mampu menjadikan proses pembelajaran lebih menarik dan bermakna, sekali gus memberi kesan positif terhadap pencapaian murid (Mazira Johari, 2021). Guru yang mengamalkan pendekatan pengajaran berkesan juga sentiasa memantau perkembangan murid

secara berterusan bagi memastikan objektif pembelajaran tercapai.

Dalam konteks pendidikan abad ke-21, guru dituntut untuk menguasai pelbagai kemahiran yang bersesuaian dengan keperluan semasa. Zamri Mahamod (2018) menegaskan bahawa kegagalan dalam mengintegrasikan kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran masih berlaku. Justeru, guru perlu memberi perhatian terhadap penguasaan kandungan kurikulum, kecekapan pedagogi, pemahaman terhadap perkembangan murid serta pengaplikasian psikologi pembelajaran, khususnya psikologi kognitif. Selain itu, guru juga perlu mempunyai kemahiran kaunseling serta keupayaan memanfaatkan teknologi moden dalam dan luar bilik darjah. Pengajaran abad ke-21 turut menekankan kemahiran generik seperti yang digariskan oleh *The Partnership for 21st Century Skills* (2008), yang merangkumi kemahiran komunikasi, pemikiran kritis, kolaborasi dan kreativiti. Kepekaan guru terhadap elemen-elemen ini amat penting bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran kekal relevan, dinamik dan berkesan.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Kemerosotan penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah semakin membimbangkan dan berpunca daripada pelbagai faktor. Antaranya ialah ketiadaan modul khusus bagi pengajaran pemulihan Jawi seperti yang dilaporkan oleh Asyraf Ridwan dan Berhanuddin (2018), yang mendapati Guru Pendidikan Islam (GPI) berhadapan kesukaran kerana perlu merangka sendiri kaedah dan teknik pemulihan berdasarkan sukatan pelajaran sedia ada. Situasi ini sebenarnya telah berlarutan sejak pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1982, di mana elemen pemulihan Jawi hanya dinyatakan secara umum dalam sukatan pelajaran Jawi Tahun 2 hingga Tahun 6 tanpa penyediaan modul yang khusus dan sistematik.

Perubahan kurikulum daripada KBSR kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2011 turut menyaksikan pengajaran pemulihan Jawi tidak lagi dilaksanakan secara formal dalam bilik darjah. Sebaliknya, ia digantikan dengan pelaksanaan Program Kem Cemerlang Jawi (KCJ) yang mula diperkenalkan pada tahun 2015 (Fadzilah Abd Rahman, 2018). Walau bagaimanapun, program ini hanya dijalankan dua kali setahun, lazimnya pada hari Jumaat dan Sabtu, dengan tempoh pelaksanaan yang singkat. Keadaan ini menimbulkan persoalan terhadap keberkesannya dalam meningkatkan penguasaan Jawi murid, memandangkan mereka perlu menguasai empat modul dalam jangka masa yang terhad. Tambahan pula, selang masa yang panjang antara pelaksanaan program menyebabkan murid sukar mengekalkan dan mengingati semula kemahiran yang telah dipelajari. Justeru, keperluan untuk membangunkan satu model pemulihan Jawi yang lebih komprehensif dan berterusan bagi membantu murid lemah Jawi di sekolah rendah adalah amat mendesak.

Di samping itu, kajian-kajian lepas turut menunjukkan bahawa pelaksanaan kurikulum di peringkat bilik darjah berdepan dengan pelbagai cabaran. Kajian oleh Hirman Mohamed Khamis et al. (2018) mendapati tahap pencapaian murid dalam pembelajaran Jawi masih rendah disebabkan oleh peruntukan masa yang terhad. Sementara itu, kajian Bernard Tahim Bael, Suppiah Nachiappan dan Maslinda Pungut (2020) mendapati bahawa aspek sikap dan kemahiran guru dalam melaksanakan pedagogi abad ke-21 (PAK21) masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Sebahagian guru didapati kurang jelas tentang pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) serta belum menguasai sepenuhnya kandungan PAK21. Ketidaksediaan ini sering dikaitkan dengan isu kekangan fizikal bilik darjah, kekurangan bahan sokongan serta kecenderungan meletakkan kelemahan kepada faktor murid. Dapatan yang selari turut dilaporkan oleh Farah Aziana Abdul Aziz dan Fadzilah Abd Rahman (2018), yang merumuskan bahawa kekurangan pendedahan, ketidakpastian tentang kaedah pelaksanaan serta bebanan tugas guru menjadi antara faktor utama yang menghalang pelaksanaan KBAT secara berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Secara keseluruhannya, isu kemerosotan penguasaan Jawi bukan sahaja berpunca daripada kelemahan murid, tetapi turut dipengaruhi oleh kekangan struktur kurikulum, ketiadaan modul pemulihan yang sistematik serta tahap kesediaan guru dalam mengintegrasikan pendekatan pedagogi semasa. Keadaan ini menuntut satu intervensi yang lebih tersusun dan berfokus bagi memastikan penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah dapat diperkukuh secara berkesan dan berterusan.

3.0 ANALISIS KEPERLUAN

Analisis keperluan merupakan fasa asas yang signifikan dalam sesuatu penyelidikan, khususnya sebelum pembangunan model atau modul dilaksanakan. Fasa ini bertujuan mengenal pasti isu dan jurang yang wujud agar pembangunan produk yang dirancang benar-benar berasaskan keperluan sebenar (Abdul Muqisith, 2018; Mohd Ridhuan, 2016; Sukor et al., 2020; Saedah et al., 2013). Selain itu, analisis keperluan berfungsi untuk menilai permasalahan semasa serta menentukan justifikasi bagi mereka bentuk sesuatu produk, termasuk model pengajaran yang bersesuaian dengan konteks dan sasaran pengguna (Azli, 2018; Mohd Ridhuan & Nurul Rabihah, 2020; Muhammad Nidzam, 2016; Mohd Nazri, 2014).

Dalam pelaksanaannya, Model Discrepancy yang diperkenalkan oleh McKillip (1987) sering dijadikan sebagai kerangka rujukan. Model ini menekankan perbandingan antara keadaan semasa dengan keadaan yang dihasratkan bagi mengenal pasti jurang (discrepancy) yang memerlukan intervensi. Melalui pendekatan ini, analisis keperluan melibatkan proses mengenal pasti, menilai dan memprioritikan keperluan yang dikenal pasti, seterusnya menjadikannya asas dalam penetapan matlamat pembangunan. Proses ini turut merangkumi pengenalan masalah secara sistematik serta cadangan penyelesaian yang bersesuaian dan realistik.

Menurut McKillip (1987), terdapat tiga kaedah utama yang lazim digunakan dalam analisis keperluan, iaitu temu bual bersemuka, temu bual melalui telefon dan pengedaran soal selidik. Model Discrepancy ini juga menekankan pendekatan penilaian normatif yang melibatkan pandangan panel pakar dalam menentukan tahap jurang antara amalan semasa dan standard yang diinginkan. Oleh sebab itu, model ini telah digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang penyelidikan, khususnya dalam bidang pendidikan, bagi memastikan pembangunan sesuatu model atau modul adalah berasaskan keperluan sebenar dan berorientasikan penyelesaian masalah.

4.0 METODOLOGI

Kajian ini mengaplikasikan fasa pertama dalam pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (Design and Development Research, DDR) yang dikemukakan oleh Richey dan Klein (2007), iaitu Fasa Analisis Keperluan (Needs Analysis). Fasa ini bertujuan mengenal pasti keperluan sebenar pengguna sebelum pembangunan model dilaksanakan secara sistematik dan berasaskan data empirikal.

4.1 Populasi dan Sampel

Populasi kajian terdiri daripada Guru Pendidikan Islam (GPI) di Daerah Kubang Pasu, Jitra, Kedah. Seramai 113 orang GPI telah dipilih sebagai sampel kajian melalui teknik pensampelan rawak berkelompok. Bagi memperoleh data kualitatif yang lebih mendalam, seramai lima orang pakar dalam bidang berkaitan turut ditemu bual bagi mendapatkan pandangan profesional terhadap keperluan pembangunan model.

4.2 Instrumen Kajian

Instrumen kuantitatif yang digunakan ialah borang soal selidik berskala Likert lima mata (1 hingga 5) yang diadaptasi daripada kajian-kajian lepas. Soal selidik ini bertujuan mengukur beberapa konstruk utama seperti keperluan terhadap model, tujuan penggunaan, tahap kebolehgunaan serta strategi pembelajaran yang dicadangkan. Bagi pengumpulan data kualitatif, protokol temu bual separa berstruktur yang mengandungi soalan berbentuk terbuka (open-ended) telah digunakan bagi membolehkan responden memberikan maklum balas secara lebih terperinci dan reflektif.

4.3 Analisis Data

Data kuantitatif dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 22 untuk memperoleh statistik deskriptif seperti frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Interpretasi skor min adalah berdasarkan julat yang telah ditetapkan, iaitu skor antara 4.01 hingga 5.00 ditafsirkan sebagai tahap tinggi atau menunjukkan persetujuan yang sangat kuat terhadap pernyataan

yang dikemukakan.

5. Dapatan Kajian

5.1 Demografi Responden

Analisis demografi menunjukkan bahawa majoriti responden terdiri daripada guru perempuan (71.7%), manakala guru lelaki mewakili 28.3%. Dari segi umur, sebahagian besar responden berada dalam lingkungan 20 hingga 30 tahun (47.8%). Peratusan yang sama (47.8%) juga menunjukkan pengalaman mengajar antara satu hingga lima tahun. Dari aspek kelayakan akademik, 80.5% responden memiliki Ijazah Sarjana Muda. Selain itu, majoriti responden (87.6%) pernah mengikuti kursus atau latihan yang berkaitan dengan pengajaran Jawi, menunjukkan tahap pendedahan profesional yang agak baik dalam bidang tersebut.

5.2 Tahap Keperluan Pembangunan Model PG Jawi

Dapatan soal selidik memperlihatkan tahap keperluan yang sangat tinggi terhadap pembangunan Model PG Jawi dengan nilai min keseluruhan 4.681 (Sisihan Piawai = 0.360), yang berada pada tahap tinggi. Item yang mencatatkan skor min tertinggi ialah pernyataan bahawa model Jawi merupakan satu sistem pembelajaran teknik yang betul khususnya dari aspek penulisan (min = 4.734). Ini diikuti oleh keperluan penerapan elemen Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam proses pengajaran dan pembelajaran (min = 4.716), serta kepentingan membangunkan model khas bagi tujuan pemulihan Jawi (min = 4.708). Dapatan ini menggambarkan persepsi guru yang sangat positif terhadap keperluan pembangunan model yang lebih sistematik dan berfokus.

5.3 Tujuan dan Tahap Kebolegunaan Model

Dari segi tujuan pembangunan model, responden menunjukkan tahap persetujuan yang sangat tinggi dengan nilai min keseluruhan 4.700. Guru bersetuju bahawa model ini berupaya merangsang perkembangan idea dan meningkatkan kreativiti murid (min = 4.778), di samping membantu penyelesaian masalah melalui penggunaan teknologi digital (min = 4.734).

Bagi aspek kebolegunaan, nilai min keseluruhan ialah 4.690, yang turut berada pada tahap tinggi. Responden paling bersetuju bahawa model ini praktikal untuk digunakan dalam aktiviti pemulihan bersama murid yang lemah (min = 4.769) serta mudah untuk diaplikasikan dalam bilik darjah (min = 4.716). Dapatan ini menunjukkan model yang dicadangkan mempunyai potensi tinggi dari sudut keberkesanan dan kemudahan.

5.4 Reka Bentuk dan Pelaksanaan Pengajaran

Penilaian terhadap elemen pedagogi yang perlu dimasukkan dalam model menunjukkan beberapa komponen utama. Dari aspek kemahiran guru, komponen strategi pengajaran mencatatkan nilai min tertinggi (4.633) berbanding komponen pengetahuan dan komunikasi (4.566), sekali gus menekankan kepentingan pendekatan pengajaran yang sesuai.

Bagi strategi pembelajaran, teknik latih tubi (min = 4.546) dan pembelajaran koperatif (min = 4.446) dikenal pasti sebagai pendekatan utama yang wajar diterapkan. Dari segi aktiviti pembelajaran, pendekatan berbentuk praktikal mencatatkan nilai min tertinggi (4.733), diikuti dengan perbincangan kumpulan (min = 4.466), menunjukkan keutamaan terhadap pembelajaran aktif dan berpusatkan murid.

Dalam aspek penilaian pula, ujian subjektif secara talian merupakan bentuk pentaksiran yang paling dominan dipilih oleh responden (min = 4.733), selaras dengan keperluan integrasi teknologi dalam pendidikan abad ke-21.

6.0 Perbincangan

Secara keseluruhannya, dapatan fasa analisis keperluan menunjukkan wujudnya jurang yang jelas antara amalan pengajaran Jawi sedia ada dengan keperluan semasa bilik darjah, sekali gus mengesahkan keperluan signifikan untuk membangunkan Model Pengajaran Jawi (PG Jawi) bagi Pendidikan Islam Tahap 1. Nilai min yang tinggi bagi konstruk keperluan, tujuan dan kebolegunaan model

mencerminkan persepsi guru bahawa intervensi berbentuk model sistematik amat diperlukan untuk menangani isu penguasaan Jawi secara lebih berstruktur dan berfokus.

Dapatan ini memperkukuh hasil kajian terdahulu yang melaporkan kemerosotan penguasaan Jawi berpunca daripada kekangan masa pengajaran serta ketiadaan modul pemulihan yang komprehensif. Sebagai contoh, kajian Hirman Mohamed Khamis et al. (2018) mendapati peruntukan masa yang terhad menjadi faktor utama pencapaian Jawi yang rendah. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa isu tersebut bukan semata-mata berkaitan masa, tetapi turut melibatkan keperluan terhadap reka bentuk pengajaran yang lebih sistematik dan disokong oleh teknologi. Hal ini mencadangkan bahawa penambahbaikan struktur dan pendekatan pedagogi mungkin lebih kritikal berbanding hanya menambah masa pengajaran.

Selain itu, tahap penguasaan ICT guru yang tinggi serta pemilikan peranti elektronik yang menyeluruh menunjukkan kesediaan yang positif terhadap integrasi teknologi dalam pengajaran Jawi. Dapatan ini berbeza dengan penemuan Bernard Tahim Bael et al. (2020) yang melaporkan bahawa sebahagian guru masih kurang bersedia melaksanakan pedagogi abad ke-21 (PAK21) dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Perbezaan ini boleh ditafsirkan sebagai perubahan trend semasa, di mana guru kini semakin terdedah kepada latihan dan penggunaan teknologi. Namun demikian, kesediaan dari sudut kemahiran teknikal tidak semestinya menjamin keberkesanan pedagogi sekiranya tiada model atau panduan yang jelas untuk diaplikasikan dalam konteks pengajaran Jawi. Justeru, pembangunan Model PG Jawi dilihat sebagai mekanisme sokongan yang dapat menjembatani jurang antara kompetensi teknologi guru dengan amalan pedagogi yang sistematik.

Dari sudut tujuan dan kebolegunaan model, skor min yang tinggi bagi elemen kreativiti, penyelesaian masalah melalui teknologi serta kepraktisan dalam aktiviti pemulihan menunjukkan bahawa guru cenderung menyokong pendekatan yang lebih interaktif dan berpusatkan murid. Dapatan ini selari dengan keperluan pendidikan abad ke-21 yang menekankan pembelajaran kolaboratif, integrasi digital dan pembinaan kemahiran generik. Namun, berbeza dengan kajian Farah Aziana Abdul Aziz dan Fadzilah Abd Rahman (2018) yang mendapati guru kurang jelas tentang pelaksanaan KBAT, dapatan kajian ini menunjukkan guru lebih terbuka terhadap inovasi, khususnya dalam konteks pemulihan Jawi. Ini memberi implikasi bahawa cabaran utama bukan lagi pada tahap kesedaran, tetapi pada penyediaan reka bentuk pengajaran yang tersusun dan boleh terus diaplikasikan.

Secara kritikalnya, dapatan ini menegaskan bahawa isu kelemahan penguasaan Jawi tidak boleh disandarkan semata-mata kepada faktor murid, tetapi perlu dilihat dalam kerangka sistemik yang melibatkan reka bentuk kurikulum, pendekatan pedagogi dan sokongan model pengajaran. Tanpa intervensi berasaskan model yang empirikal dan disahkan pakar, usaha penambahbaikan berisiko kekal bersifat ad hoc dan tidak konsisten antara sekolah.

7.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, fasa analisis keperluan ini telah memberikan bukti empirikal yang jelas bahawa pembangunan Model Pengajaran Jawi (PG Jawi) merupakan satu keperluan yang mendesak dalam konteks Pendidikan Islam Tahap 1. Dapatan kajian bukan sahaja menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi dalam kalangan guru terhadap keperluan model tersebut, malah memperlihatkan kewujudan jurang antara amalan pengajaran sedia ada dengan keperluan sebenar bilik darjah, khususnya dalam aspek pemulihan dan integrasi teknologi. Justeru, analisis ini berfungsi sebagai asas konseptual dan praktikal yang kukuh untuk meneruskan kajian ke fasa seterusnya dalam kerangka Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR).

Peralihan kepada Fasa Kedua, iaitu reka bentuk dan pembangunan model menggunakan teknik Fuzzy Delphi, adalah signifikan bagi memastikan setiap komponen model dibangunkan berdasarkan konsensus pakar dan bukannya semata-mata berasaskan persepsi umum. Pendekatan ini membolehkan penentuan elemen-elemen utama model dilakukan secara sistematik, berstruktur dan berlandaskan kesepakatan profesional, sekali gus meningkatkan tahap kesahan kandungan serta kebolehpercayaan

model yang bakal dibangunkan. Melalui proses ini, model PG Jawi dijangka dapat dirangka secara lebih komprehensif, merangkumi aspek pedagogi, strategi pembelajaran, pentaksiran serta integrasi teknologi yang selari dengan tuntutan pendidikan abad ke-21.

Dari sudut implikasi, pembangunan model ini berpotensi menyumbang kepada pengukuhan amalan pengajaran Jawi yang lebih sistematik, fleksibel dan responsif terhadap keperluan murid yang pelbagai tahap keupayaan. Selain memperkasa kompetensi guru melalui panduan yang lebih jelas dan terarah, model ini juga berupaya meningkatkan keberkesanan intervensi pemulihan Jawi secara berterusan dan tidak lagi bersifat ad hoc. Secara lebih luas, inisiatif ini menyokong usaha memartabatkan tulisan Jawi sebagai warisan budaya bangsa yang perlu dipelihara melalui pendekatan pendidikan yang relevan dan inovatif.

Kesimpulannya, fasa analisis keperluan ini bukan sekadar memenuhi keperluan metodologi dalam reka bentuk penyelidikan, tetapi turut menjadi justifikasi akademik yang kuat terhadap pembangunan Model PG Jawi. Dengan berlandaskan dapatan empirikal dan konsensus pakar pada fasa seterusnya, model yang dihasilkan diharapkan dapat memberikan sumbangan bermakna kepada pengembangan ilmu dalam bidang pedagogi Pendidikan Islam serta menyokong aspirasi transformasi sistem pendidikan negara secara berterusan dan lestari.

Penghargaan

Terima kasih yang tidak terhingga kepada Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Penulis juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Kedah.

Rujukan

- Ab Halim, T., & Mohamad Khairul Azman, A. R. (2019). *Pengajaran berkesan dalam pendidikan Islam*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Alias, M., & Imani, N. (2019). Strategi pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan guru pelatih. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(2), 87–97.
- Anuar, A. M., & Fitri Yahya, N. A. (2020). Strategi pengajaran guru dalam PdPc Pendidikan Islam. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 21(1), 45–60.
- Azim Haziq, M. S., & Amzar, A. F. (2020). Peranan guru dalam menyampaikan ilmu: Satu tinjauan. *Jurnal Pendidikan dan Sains Sosial*, 9(1), 34–42.
- Azmil Nawawi. (2018). Kaedah pengajaran dan pembelajaran berkesan: Analisis perbandingan pendekatan. *International Journal of Education and Training*, 4(1), 56–68.
- Azli, Y. (2018). Analisis keperluan dalam pembangunan modul pengajaran bahasa. *Jurnal Ilmu Pendidikan*, 3(2), 72–81.
- Berita Harian. (2019, Disember 5). Guru perlu kreatif adaptasi PdP abad ke-21. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my>
- Hamidah Halim. (2018). Elemen strategi dan pendekatan dalam pengajaran efektif. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 6(1), 35–49.
- Iskandar Isa. (2020). Pengaruh kaedah pengajaran terhadap penguasaan pelajar dalam mata pelajaran Jawi. *Jurnal Pendidikan Islam*, 33(2), 15–30.
- Julia Anaqi, A. J., & Roslina, M. S. (2020). Pengalaman seharian sebagai asas pengajaran: Satu analisis. *Jurnal Ilmu Pendidikan dan Pembelajaran*, 10(2), 112–123.
- Kamarul Azmi, J., & Uzair Musa, M. (2019). Penggunaan kaedah pengajaran berasaskan aktiviti dalam pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan dan Kemusiaan*, 7(1), 66–77.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Islam Sekolah Rendah Tahap 1 (DSKP PI)*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Mckillip, J. (1987). *Need analysis: Tools for the human services and education*. SAGE Publications.
- Mazira Johari. (2021). Kreativiti guru dalam PdPc pendidikan Islam. *Jurnal Sains Sosial*, 17(1), 25–39.

- Mohd Nazri, N. (2014). Pembangunan model pengajaran berasaskan nilai. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Guru*, 12(2), 89–105.
- Mohd Ridhuan, T. A. (2016). Kaedah analisis keperluan dalam kajian pembangunan modul. *Jurnal Kajian Pendidikan*, 14(2), 33–44.
- Mohd Ridhuan, T. A., & Nurul Rabihah, N. (2020). Pendekatan analisis keperluan dalam pendidikan Islam. *Jurnal Kurikulum Malaysia*, 18(3), 55–64.
- Muhammad Nidzam, C. (2016). Integrasi teknologi dalam pendidikan: Isu dan cabaran. *Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia*, 6(2), 42–51.
- Norlaila Amin. (2020). Kompetensi pedagogi guru abad ke-21. *Jurnal Pendidikan Guru Malaysia*, 12(1), 77–85.
- Nurulrabihah, A. (2020). Cabaran PdP atas talian semasa pandemik COVID-19. *Jurnal Transformasi Pendidikan*, 10(1), 20–30.
- Partnership for 21st Century Skills. (2008). *Framework for 21st century learning*. <http://www.p21.org/>
- Ramlan Abu Bakar. (2019). Pendidikan Jawi dan pemulihannya dalam kurikulum semasa. *Jurnal Warisan Islam*, 27(2), 55–70.
- Rayyan Hakim, M. Z. (2021). Pengajaran sebagai proses perubahan pengetahuan. *Jurnal Sains Pendidikan Islam*, 10(1), 50–63.
- Richey, R. C., & Klein, J. D. (2007). *Design and development research: Methods, strategies, and issues*. Lawrence Erlbaum Associates.
- Saedah, S., Rohani, A. T., Mohamed Amin, E., & Norhayati, A. (2013). Reka bentuk pembangunan instruksional berasaskan model R2D2 dalam pembangunan modul. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 38(2), 1–10.
- Suhairi, A., Azrina, A. R., & Mohd Shahril, N. (2020). Pendekatan pengajaran berfokuskan pelajar: Satu tinjauan dalam pendidikan Islam. *Jurnal Kajian Islam*, 16(2), 67–80.
- Sukor, N. S., Farah Wahida, A. R., & Siti Rahmah, S. (2020). Pendekatan sistematik dalam analisis keperluan: Aplikasi dalam penyelidikan pendidikan. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 20(3), 70–81.
- Zamri Mahamod. (2018). Kepentingan kemahiran guru dalam PdPc abad ke-21. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(2), 45–57.